

# Keperentingan Geopark Kebangsaan

**M**alaysia mencipta sejarah apabila pada 5-7 Julai 2017 kawasan Jerai dinilai sebagai geopark kebangsaan, dan pada 6-8 Julai pula Lembah Kinta melalui proses sama. Ketika Langkawi diisytihar sebagai Global Geopark 10 tahun lalu, kita tidak membuat penilaian tempatan kerana tidak mempunyai organisasi formal untuk membangun geopark.

Penyelidikan UKM bersama kepimpinan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bersepatat menggerakkan idea geopark sehingga diterima UNESCO sebagai ahli Jaringan Geopark Global. Selepas Langkawi, usaha untuk membangun beberapa geopark baharu seperti Delta Sarawak dan Gunung Kinabalu bermula tetapi kurang mendapat sambutan.

Antara sebab utama ialah idea geopark masih belum difahami umum dan masih belum menjadi program formal pada peringkat negara. Pada 2013, sekumpulan pakar dan pencinta geowarisan dan geopark, membentuk Jawatankuasa Pelaksanaan Geopark Kebangsaan secara *ad hoc* dan kemudian direstui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Ini permulaan satu usaha bersektam untuk membangun agenda geopark kebangsaan. Pada 2015, kerajaan bersektu

menubuhkan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan, iaitu sebuah badan pembuat dasar, merangka strategi dan penggalak pembangunan geopark. Dalam mesyuarat pertama beberapa ketetapan diputuskan, termasuk menggalakkan pembangunan lima geopark menjelang 2020, iaitu Lembah Kinta, Gunung Jerai, Gunung Kinabalu, Delta Sarawak dan Tasik Kenyir.

Pada peringkat global, wawasan geopark, iaitu pembangunan lestari wilayah berasaskan pemuliharaan dan utilisasi warisan alam, khususnya warisan geologi dan landskap, mendapat sambutan hangat.

Di China lebih 300 geopark kebangsaan dibangunkan sejak 2002, sementara Jepun pula membangunkan 35 geopark dan Indonesia membangunkan 10 geopark. Negara kita masih lagi berjauhan untuk meyakinkan pemimpinan bagi mewujudkan geopark kebangsaan kedua. Banyak lagi isu berkaitan urus tadbir dan kefahaman yang perlu diselesaikan sebelum usaha murni ini menjadi kenyataan.

Beberapa isu hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan masih menghantui pembangunan geopark. Kerajaan negeri berasaskan geopark ialah agenda persekutuan dan faedahnya kurang dirasai kerajaan negeri. Persepsi ini tercretus kerana agenda

geopark diawasi oleh akademik dan agensi persekutuan untuk membantu wawasan kelestarian dan pembangunan ekonomi daerah. Ini adalah agenda masa depan (abad ke-21) untuk memperkasa komuniti setempat menggunakan sumber warisan alam di daerahnya bagi mengukuhkan kecernaan terhadap keunikan tempatan sambil meningkatkan sosioekonomi melalui aktiviti pelancongan berinovatif.

## Perlukan Iltizam

Geopark juga memerlukan iltizam untuk menjayakan wawasan 'pengurusan bersama', iaitu beberapa agensi pelaksana duduk semeja berhincang dan membuat keputusan bersama bagi kepentingan rama. Berikutnya, masing-masing boleh melaksanakan bahagian di bawah bidang kuasa sedia ada bagi menjayakan keputusan bersama.

Sebagai seorang ahli Jawatankuasa Promosi dan Pembangunan Jerai Geopark, saya berpeluang mengikuti proses penilaian kawasan Jerai untuk dijadikan geopark kebangsaan. Ketika mengikuti rombongan melawat komuniti setempat di Kampung Aceh, Pasar Bisik, Titi Hayun dan Sungai Batu Pahat, kami dapat bersaksikan betapa me-reka berbangga dengan warisan alamnya, dan mengharapkan agenda geopark menjadi kenyataan

dan dapat mengubah masa depan mereka. Mereka bersedia memikul langungjawab menggalak martabat daerahnya dan menjadi penyambut tetamu cemerlang.

Puncak Jerai terbentuk daripada batuan berusia lebih 500 juta tahun lampau menyimpan sejarah bumi Malaysia serta membentuk landskap tabii terindah lagi mempesonakan. Sungai Merbuk menghasilkan ekosistem bakau yang meluas dengan kepelbagaian biologi tanah bench luar biasa.

Sementara sekitar Gunung Jerai menjadi tapak arkeologi, termasuk rekod pemerintahan Kedah Tua Sungai Batu menceritakan tamadun Asia Tenggara bermula lebih 500 tahun sebelum Masih.

Inilah warisan unggul Jerai Geopark yang perlu dihayati, dipulhara dan diraikan oleh masyarakat tempatan. Proses penilaian Jerai dan Lembah Kinta untuk diangkat menjadi geopark kebangsaan adalah peristiwa penting dalam sejarah wawasan kelestarian negara. Saya doakan apabila Jawatankuasa Geopark Kebangsaan bersidang hari ini, kedua-duanya berjaya diisytihar menjadi pemula wawasan geopark kebangsaan. Geopark meraikan warisan alam, memperkasa komuniti setempat dan menjana ekonomi wilayah secara lestari - ialah contoh satu tindakan pembangunan lestari.

## Komentar



**Prof Emeritus Ibrahim Komoo**

**Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Geopark Kebangsaan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

BH - 11/26/2017  
18/7